

UniMAP Anjur Festival Nasyid Kemerdekaan IPT

KANGAR, 25 September 2010 - Universiti Malaysia Perlis telah menjadi Tuan Rumah bagi Festival Nasyid Kemerdekaan Institut Pengajian Tinggi (IPT) kali ke 7 yang diadakan di Dewan Kapitol UniMAP baru-baru ini.

Festival yang bermula dari 24 hingga 25 September 2010 itu, menyaksikan lapan buah kumpulan telah berentap antaranya ialah UniMAP, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Univeriti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Arau dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Firasat Inzar dari UKM diumumkan johan Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan 2010 selepas berjaya mengenyepikan Damai dari UNIMAS di tempat kedua dan juara bertahan selama empat kali berturut-turut, Nahwan Nur dari UPM di tempat ketiga.

Firasat Inzar yang turut memenangi kategori Kostum Terbaik dan Lagu Terbaik membawa pulang hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM2,300, Piala Pusingan Naib Canselor, piala iringan dan hamper. Manakala bagi tempat kedua dan ketiga pula, masing-masing membawa pulang wang tunai RM 1,500 dan RM1,000, piala iringan serta hamper.

